

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
(IGAN)**

TARIKH : 03 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI KANAN
KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan keadaan
jalan raya di Malaysia ini sentiasa selamat untuk digunakan bagi
mengelak kemalangan jalan raya yang berpunca daripada struktur jalan
raya yang rosak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia dilaksanakan oleh pihak konsesi yang telah dilantik oleh Kementerian Kerja Raya. Pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan ini adalah di bawah pengawasan sepenuhnya oleh pihak JKR Malaysia bagi Semenanjung Malaysia (SM), JKR Sabah, JKR WP Labuan dan JKR Sarawak – Sabah, Sarawak dan Labuan (SSL) iaitu pihak yang telah dilantik sebagai wakil kerajaan. Tiga (3) Skop utama kerja – kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan adalah terdiri daripada penyenggaraan rutin (sepanjang tahun), berkala pavemen, berkala bukan pavemen, penyenggaraan jambatan, penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat serta kerja-kerja kecemasan. Antara kerja-kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan adalah seperti tampalan lubang jalan, meratakan bahu jalan, memotong rumput, mencuci perabot jalan, mengecat garisan jalan, membersihkan sistem perparitan jalan dan pembedung serta melakukan rondaan pemeriksaan jalan.

Kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta setiap tahun bagi pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan rutin. Manakala untuk penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen Bagi tahun 2021 sahaja, telah diperuntukkan sebanyak RM1.28 billion (RM1.065 billion – SM, RM218.3 juta - SSL).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi membaikpulih jalan-jalan dalam status kritikal, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan ini mengikut keutamaan, tahap kritikal dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan.

Selain itu, Program Aku Janji Sifar Lubang atau *Zero Pothole* di peringkat Kebangsaan juga telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Konsesi Jalan Persekutuan seluruh Malaysia sebagai inisiatif kepada langkah proaktif kerajaan untuk menangani cabaran *Pothole* di Jalan Persekutuan.

Program *Zero Pothole* ini memberi penekanan kepada prosedur tindakan kerja-kerja penampalan jalan berlubang (secara sementara) yang diambil tindakan dalam tempoh 24 jam daripada penemuan ataupun aduan kerosakan. Tempoh 3 hari diberikan kepada pihak konsesi untuk melaksanakan pembaikan kekal selari dengan Piagam Pelanggan Jabatan Kerja Raya dan kontrak penyenggaraan jalan persekutuan (FRM) pihak konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai langkah jangka pendek untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan, Kementerian ini melaksanakan kerja-kerja merawat dan memperelok lokasi kerap berlaku kemalangan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sebanyak **159** lokasi telah dikenalpasti dan dilaksanakan pembaikan pada tahun 2017 hingga 2020. Langkah jangka pendek ini juga diteruskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia ke-12. Bagi tahun 2021, sebanyak **50** lokasi telah dikenalpasti dan pelaksanaannya akan selesai pada penghujung Oktober 2021. Pembaikan yang dilaksanakan ini adalah bersifat *low cost solution with high impact* (dengan izin).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan di lokasi – lokasi berisiko berlaku kemalangan akan terus dilaksanakan pada setiap masa oleh pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya di kawasan *blackspots* yang telah di buat rawatan di samping mengenal pasti lokasi - lokasi baru *blackspots* di seluruh negara. Bagi tahun 2022,

sebanyak **89** lokasi telah dikenalpasti untuk dilaksanakan kerja-kerja merawat dan memperelok lokasi kerap berlaku kemalangan.

Sekian, terima kasih.